

03/10/2003

Suruhanjaya pelantikan hakim tidak perlu: PM

Wan Jailani Razak; Suffian A Bakar

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penubuhan suruhanjaya bebas kehakiman bagi mengendali pelantikan, pertukaran dan kenaikan pangkat hakim akan hanya menyebabkan mereka terhutang budi kepada badan berkenaan.

Perdana Menteri yang menyifatkan tindakan itu tidak perlu, berkata ini kerana ia boleh mempengaruhi kewibawaan mereka ketika melakukan penghakiman.

Selain itu, cadangan Majlis Peguam meletakkan anggotanya dalam suruhanjaya itu tidak wajar kerana ia menjadikan peguam lebih berkuasa daripada hakim.

Beliau berkata, jika peguam lebih berkuasa daripada hakim, maka penghakiman yang akan ditentukan oleh mereka tidak lagi akan betul.

"Nanti orang yang dipilih akan terhutang budi kepada Majlis Peguam dan bermakna akan selalu melayan peguam. Jadi, mereka tidak akan bebas kerana tahu kuasa peguam untuk menentukan siapa yang akan dilantik sebagai hakim dan siapa yang akan dinaikkan pangkat serta sebagainya," katanya kepada pemberita selepas jamuan tengah hari di Awana Porto Malai, tempat segmen maritim Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) 2003.

Sebelum itu Dr Mahathir turut melancarkan Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi. Beliau juga menyampaikan sijil pendaftaran pertama kapal layar kepada Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, pemilik kapal layar A Khaliq.

Dr Mahathir diminta mengulas cadangan Majlis Peguam yang mahu kerajaan menubuhkan suruhanjaya bebas kehakiman bagi mengendalikan perkara seperti pelantikan, pertukaran dan kenaikan pangkat hakim.

Pengerusi Majlis Peguam, Kuthubul Zaman Bukhari dilaporkan berkata suruhanjaya itu perlu diketuai Ketua Hakim Negara dan dianggotai Peguam Negara, dua wakil Majlis Peguam, dua anggota kanan kehakiman dan dua orang awam.

Kuthubul berkata, Majlis Peguam berharap dapat meluluskan usul penubuhan suruhanjaya itu pada mesyuarat agung luar biasanya Sabtu ini.

Dr Mahathir berkata, pembabitan kerajaan dalam pelantikan hakim sebenarnya tidak menjejaskan apa-apa berbanding peguam yang terbabit secara langsung dalam perbicaraan di mahkamah.

"Kita lantik hakim dan selepas dan hakim jalankan kerja dia. Kita bukan hari-hari hendak berjumpa dengan hakim atau bicara dalam mahkamah tetapi peguam semua hari-hari ada dalam mahkamah," katanya.

Beliau berkata sejarah kehakiman negara membuktikan kebebasan badan kehakiman kerana hakim pernah menjatuhkan hukuman yang merugikan kerajaan dan parti pemerintah seperti pengharaman Umno serta anggota Kabinet dihukum mati dan dipenjarakan.

"Umno, sebuah parti pemerintah pernah diharamkan oleh hakim. Kalau mereka (hakim) tidak bebas mereka tidak mungkin berbuat demikian. Tidak ada di dunia ini seorang hakim yang pernah mengharamkan satu parti politik yang sedang memerintah tetapi ia berlaku di Malaysia.

"Kalau nak kata tak bebas, apa lagi," katanya sambil menambah penubuhan suruhanjaya bebas yang melantik hakim tidak akan menjamin kebebasan proses penghakiman.

Perdana Menteri berkata, badan tertentu yang ditubuhkan pun sukar bertindak bebas kerana pasti juga mahu membuat keputusan berdasarkan fikiran dan kepentingannya.

"Kita tidak boleh kata ada manusia yang begitu bebas sehingga dia hendak lantik orang yang dia tidak suka," katanya.

Perdana Menteri berkata, ada juga hakim yang mempunyai pendapat tertentu dalam sesuatu kes tetapi kerajaan tetap melantik mereka.